

**UCAPAN Y.A.B. TIMBALAN PERDANA MENTERI TUN ABDUL
RAZAK DALAM UPACARA UCAPAN TAHUNAN DAN
PENYAMPAIAN HADIAH CAWANGAN BUDAK-BUDAK
MAKTAB TENTERA DIRAJA 1967**

Saya berasa sangat sukacita kerana dapat hadir bersama-sama di upacara Perbarisan dan Penyampaian Hadiah yang sangat cemerlang ini. Terlebih dahulu saya mengambil peluang mengucapkan tahniah kepada sekalian yang mengambil bahagian di upacara Perbarisan baru-baru tadi. Seperti yang puan-puan dan tuan-tuan saksikan mereka telah menunjukkan gerak geri yang sangat kemas dan cekap di Perbarisan itu dan kebolehan mereka ini adalah menjadi satu kepujian kepada mereka dan Jurulatih-jurulatih mereka.

Saya dapati bahawa ini ialah kali pertamanya upacara seperti ini telah diadakan dan juga saya telah mendapat tahu bahawa pertukaran ini adalah disebabkan tarikh bagi perbarisan Menjunjung Duli Cawangan Kedet telah ditukarkan kepada bulan April, 1968 dan tidak lagi dalam bulan Disember seperti dahulu. Namun demikian saya sangat tertarik hati kepada kecekapan dan ketinggian darjah perbarisan yang telah diadakan itu.

Kepada penuntut-penuntut saya hendak memberitahu bahawa latihan yang diberi kepada kamu itu bukanlah semata-mata untuk meninggikan pelajaran akademik tetapi juga untuk mendidik kamu supaya menjadi pemimpin-pemimpin yang berguna bagi masa hadapan. Maktab Tentera Diraja adalah memberi didikan yang diperlukan supaya dapat kamu melengkapkan diri bagi menghadapi cabaran-cabaran dalam kehidupan dan untuk berkhidmat kepada negara. Mereka yang mempunyai kebolehan akan diberi latihan lanjutan tentera di Cawangan Kedet Maktab ini atau di maktab-maktab tentera yang lain di luar negeri dan ada juga di antara mereka yang akan dihantar untuk melanjutkan pelajaran tinggi di Universiti-universiti. Kepada penuntut-penuntut yang berkenaan dan juga kepada guru-guru mereka saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah. Sungguh pun demikian saya mendapat tahu sambutan kepada seruan untuk berkhidmat dalam Angkatan Tentera sehingga sekarang belum lagi memuaskan hati kerana mereka yang tampil ke hadapan untuk menjadi pegawai-pegawai tentera sangatlah kurang. Oleh yang demikian mulai tahun hadapan satu rancangan telah dibuat dan akan dilaksanakan iaitu sebanyak 25% daripada penuntut-penuntut yang masuk Cawangan Budak-budak dikhaskan kepada mereka yang hendak berkhidmat di dalam Angkatan Tentera Malaysia. Sekiranya tuan-tuan dan puan-puan berasa bimbang atau ragu-ragu bahawa kebolehan atau bakat anak tuan-tuan dan puan-puan akan hilang oleh kerana berkhidmat dalam angkatan tentera, saya minta hapuskan perasaan itu. Sebenarnya peluang melanjutkan pelajaran tinggi akan diberi kepada mereka yang berbakat manakala didikan yang diperolehi mereka di Maktab ini akan memberi peluang yang luas kepada mereka untuk memegang jawatan-jawatan dalam Angkatan Tentera Malaysia.

Saya telah juga mendapat tahu bahawa sukatan pelajaran ketenteraan dalam latihan yang akan diberi kepada budak-budak akan juga dipertingkatkan darjahnya mulai tahun hadapan. Saya berasa sangar sukacitanya dengan cadangan latihan tentera ini kerana latihan sedemikian adalah sangat berguna kepada kamu semua. Latihan ini akan berguna juga kepada kamu walaupun kamu menukar fikiran pada kemudian hari hendak berkhidmat di dalam perkhidmatan awam atau di dalam lapangan perusahaan dan perdagangan.

Selain daripada itu saya berasa gembira dan megah kerana Maktab ini telah sekali lagi mencapai kejayaan yang tinggi di dalam Peperiksaan Cambridge yang lepas. Ini adalah menunjukkan bahawa guru-guru dan penuntut-penuntut di Maktab telah bersama-sama bekerja keras untuk meninggikan taraf pelajaran di Maktab ini . Kepada penuntut-penuntut yang berkenaan dan juga guru-guru mereka saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah. Saya berharap kejayaan yang diperolehi itu akan dapat dikekalkan. Saya mengambil peluang juga menyeru kepada penuntut-penuntut supaya jangan berasa puas hati dengan kejayaan cemerlang yang telah dicapai itu tetapi hendaklah berusaha lebih tekun lagi bagi menghasilkan kejayaan yang lebih pada masa-masa akan datang.

Akhir sekali saya suka mengambil peluang untuk memberi kepujian dan ucapan tahniah kepada pemenang-pemenang hadiah pada pagi ini dan mengucapkan selamat maju jaya kepada Budak-budak yang akan meninggalkan Maktab ini. Kepada mereka yang masih berada di Maktab ini saya berharap mereka berusaha lebih giat lagi samada dalam segi pelajaran mahu pun dalam lapangan sukan.